



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPNPP(SUK)600-2/27 Jld.2 (55)
Tarikh : 03 Ogos 2016

Pengetua/ Guru Besar,
Semua Sekolah Menengah / Rendah Negeri Pulau Pinang

Tuan/Puan,

PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN WUSHU MSSPP TAHUN 2016

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pembangunan Sukan Wushu Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang (MSSPP) dengan kerjasama The Penang Chinese Chin Woo Athletic Association akan menganjurkan **Latihan Wushu** seperti keterangan berikut:

2.1 Tarikh : 27 Ogos 2016 (Sabtu)
Perkara : Penerangan & Penyelarasan Program Wushu Tradisional (keutamaan kepada pelajar)
Masa : 1.00 petang
Tempat : Astaka SMK Penang Free
Pakaian : Pakaian Sukan
TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 19 OGOS 2015

2.2 Tarikh : 20, 21, 27, & 28 Ogos 2016 (Setiap hari Sabtu dan Ahad sahaja)
Perkara : Latihan Taijiquan (keutamaan kepada guru)
Masa : 9.00 – 11.00 pagi (Pendaftaran 20 Ogos 2016, jam 8.30 pagi)
Pakaian : Pakaian Sukan
Tempat : SMJK CHUNG LING PULAU PINANG
TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 12 OGOS 2015

3. Tujuan mengadakan program ini adalah untuk menyemarakkan lagi sukan wushu di Pulau Pinang yang semakin berkembang dan diminati. Bersama-sama ini dikepilkan Kertas Konsep Program Wushu Tradisional, Borang Kawalan Kumpulan dan Borang Penyertaan Individu untuk rujukan serta tindakan tuan/puan selanjutnya. Cara pendaftaran adalah seperti berikut:

- 3.1 Pelajar – hantar **Borang Kawalan Kumpulan** yang lengkap ke Unit Sukan melalui faks **04-2286248** atau emel unitsukan@jpnpp.edu.my selewat-lewatnya pada TARIKH TUTUP yang dinyatakan mengikut latihan.
- 3.2 Guru – calonkan nama melalui Modul SULDP Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPL KPM) di MENU Senarai LDP Tawar selewat-lewatnya pada TARIKH TUTUP yang dinyatakan mengikut latihan.



4. Sehubungan dengan itu, jasa baik tuan/puan adalah dipohon supaya memberi kebenaran kepada pegawai di bawah seliaan tuan/puan (seperti dalam Lampiran A) untuk membantu dalam program ini demi pembangunan sukan Wushu di Pulau Pinang. Untuk makluman tuan/puan, perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian:

- 4.1 Segala kos sajian dan pengangkutan sepanjang program adalah ditanggung oleh sekolah atau individu yang terlibat.
- 4.2 Penyertaan pelajar hendaklah mendapat kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga. **Borang Penyertaan Individu (Pelajar) yang asal dan lengkap perlu dibawa bersama pada hari pertama latihan untuk simpanan pegawai/ guru bertugas atau jurulatih.**
- 4.3 Sekiranya guru pihak sekolah tidak dapat mengiringi pelajar, maka ibubapa/penjaga perlu mengiringi pelajar ke latihan berkenaan pada hari pertama untuk tujuan pengesahan pendaftaran dan keselamatan pelajar.

5. Untuk maklumat lanjut tentang program ini, pihak tuan/puan boleh menghubungi **PTPS Wushu, En. Ong Beng Soon** di talian **016-4524791** atau **Penyelia Sukan, Cik Chong Kwang Yen** di talian **04-2285831 / 016-4159434**.

Kerjasama dan sokong tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,



(ISMAIL BIN MOHD SAID)

Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan

b.p. Pengarah Pendidikan Pulau Pinang

- s.k. Pengarah Pendidikan Pulau Pinang
Ketua Unit Sukan
Ketua Unit Kokurikulum
Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut / Barat Daya / Utara / Tengah / Selatan
Pengetua SMK Penang Free
Pengetua SMJK Chung Ling Pulau Pinang

SENARAI JAWATANKUASA/ PEGAWAI BERTUGAS

BIL	NAMA	SEKOLAH/ PEJABAT	STATUS
1.	CIK CHONG KWANG YEN	UNIT SUKAN, JPPP	PENYELARAS
2.	EN. ONG BENG SOON	SMK PENANG FREE	PTPS
3.	EN. TANG WENG LEE	SMK SUNGAI NIBONG	Fasilitator
4.	EN. SU WING HUAT	SMJK CHUNG LING, BUTTERWORTH	Fasilitator
5.	EN. KOAY KEAN THYE	SMK (L) METHODIST	AJK
6.	EN. CHEW YEE SOON	SMJK CHUNG LING, BUTTERWORTH	AJK
7.	EN. ONG CHIN HUA	SMJK CHUNG LING, PULAU PINANG	AJK
8.	PN. KOO YOON HIONG	SMJK SACRED HEART	AJK
9.	CIK LIM AI LIN	SMK MAK MANDIN	AJK
10.	EN. LEE CHEE CHUNG	SJKC CHUNG HWA CONFUCIAN 'A'	AJK
11.	CIK LIM YONG CHING	SJKC HUN BIN	AJK
12.	CIK OOI PHAIK HOON	SJKC YEOK HUA	AJK